- provide my/our consent to the Bank to share any of my/our information relevant to this financing application with a third parties such as credit reporting agencies in Malaysia registered under the Credit Reporting Agencies Act 2010, Fraud Bureau and/or other information-sharing database for the purpose of detecting and/or investigating and/or preventing fraud and I/we shall not hold the Bank and/or such third parties liable for any loss or damage arising from such sharing of my/our information and/or the processing thereof save and except where such losses or damages were directly attributable to the Bank's gross negligence, willful default or fraud. I/We hereby confirm that I/we have obtained the consent of the third party/parties referred to in this application form for me/us to disclose his/her/their information to the Bank and for the Bank to use and/or process and/or share his/her/their information for the purposes stated herein. / *Memberikan kebenaran kepada Bank untuk berkongsi sebarang maklumat saya/kami yang berkaitan dengan permohonan pembiayaan ini dengan manamana pihak ketiga seperti agensi pelaporan kredit di Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010, Biro Penipuan dan/atau pangkalan data perkongsian maklumat lain bagi tujuan mengesan dan/atau menyiasat dan/atau mencegah penipuan dan saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan Bank dan/atau pihak ketiga terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada perkongsian maklumat saya/kami dan/atau pemrosesannya kecuali jika kerugian atau kerosakan itu adalah berkaitan secara langsung dengan kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau penipuan daripada pihak Bank. Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah mendapat kebenaran pihak ketiga/pihak yang dirujuk dalam borang permohonan ini untuk saya/kami dedahkan maklumat beliau/mereka kepada Bank dan untuk Bank menggunakan dan/atau memproses dan/atau berkongsi maklumat beliau/mereka bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di sini.*
- authorise the Bank to verify information from whatever source inclusive of the Director General of the Inland Revenue Department and by whatever means that the Bank may consider appropriate. / *Dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mengesahkan maklumat dengan mana-mana sumber termasuk daripada Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri dan dengan apa-apa jua cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.*
- REMINDER: The Applicant is hereby reminded to read and understand the rules and regulations governing the use of the AmBank (M) Berhad, and/or AmBank Islamic Berhad Visa Card/UnionPay. I/We agree to be bound by the Terms and Conditions specified in the AmBank (M) Berhad, and/or AmBank Islamic Berhad Cardholder Agreement and including all future amendments thereto. / *PERINGATAN: Pemohon diingatkan supaya membaca dan memahami syarat dan peraturan yang mentadbir penggunaan Kad Visa/UnionPay AmBank (M) Berhad dan/atau AmBank Islamic Berhad. Saya/Kami bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Pemegang Kad AmBank (M) Berhad dan/atau AmBank Islamic Berhad dan termasuk semua pindaan padanya pada masa hadapan.*
- Further agree that the Principal Cardholder shall be responsible for all liabilities and obligations of the Principal Cardholder as well as those of the Supplementary Cardholder(s). The Supplementary Cardholder however shall only be responsible for his own liabilities and obligations. / *Selanjutnya bersetuju bahawa Pemegang Kad Utama akan bertanggungjawab terhadap semua liabiliti dan obligasi Pemegang Kad Utama serta Pemegang Kad Tambahan. Walaubagaimanapun, Pemegang Kad Tambahan hanya bertanggungjawab terhadap liabiliti dan obligasinya sendiri.*
- Further agree, authorise and permit the Bank to share or disclose all the information provided by me/us to its co-brand partner(s) and/or its related corporations, where necessary to operate the AmBank Co-brand Credit Card(s) programme in order to provide me/us with services relating to said programme, to communicate with me/us, to fulfill requests including redemption of co-brand partner's points and for identification, validation and verification purposes in relation hereto. I/We agree and consent to receiving SMS notifications from co-brand partner(s) and/or its related corporations in relation to any matter relevant to the AmBank Co-brand Credit Card(s) which the Bank, co-brand partner(s) and/or its related corporations may deem necessary from time to time. / *Selanjutnya bersetuju, memberi kuasa dan membenarkan pihak Bank untuk berkongsi atau mendedahkan semua maklumat yang saya/kami berikan, kepada rakan kongsi jenama bersama dan/atau syarikat yang berkaitan, di mana perlu untuk menjalankan program Kad Kredit Rakan Kongsi Jenama Bersama AmBank bagi menyediakan perkhidmatan berkaitan program tersebut kepada saya/kami, untuk berkomunikasi dengan saya/kami, untuk memenuhi permintaan termasuk penebusan mata rakan kongsi jenama bersama dan bagi tujuan pengenalpastian, pengesahan dan pembuktian yang berkaitan dengannya. Saya/Kami bersetuju dan membenarkan untuk menerima SMS pemberitahuan daripada rakan kongsi jenama bersama dan/atau syarikat yang berkaitan dengannya berhubung sebarang perkara berkaitan Kad Kredit Rakan Kongsi Jenama Bersama AmBank yang mana Bank, rakan kongsi jenama bersama dan/atau syarikat yang berkaitan yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.*
- REMINDER: Applicant of the AmBank BonusLink Visa Credit Card is hereby reminded to read and understand the terms and conditions; and the privacy notice that governs the BonusLink membership. The BonusLink membership terms and conditions is available on the BonusLink website. / *PERINGATAN: Pemohon Kad Kredit AmBank BonusLink Visa dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat; dan notis privasi yang mentadbir keahlian BonusLink. Terma dan syarat keahlian BonusLink boleh didapati melalui laman web BonusLink.*
- Agree that the card application form in the Bank's records shall be conclusive of my/our application for the Bank's Credit Card. / *Bersetuju bahawa borang permohonan kad dalam rekod Bank akan menjadi permohonan saya/kami yang muktamad untuk kad kredit Bank.*
- REMINDER: The Applicant is hereby reminded to be read and understand the definition and scope of a Connected Parties Transaction under Section 47 of the Financial Services Act 2013 ('FSA')/ Section 57 of the Islamic Financial Services Act 2013 ('IFSA') and aware that he/she may be convicted of an offence and/or be imposed with a fine/penalty under any applicable law and/or regulation in the event any declaration herein is subsequently found to be false and untrue. / *PERINGATAN: Pemohon dengan ini diingatkan supaya membaca dan memahami definisi dan skop Urus Niaga Pihak-Pihak Berkaitan di bawah Seksyen 47 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ('FSA')/Seksyen 57 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ('IFSA') dan sedar bahawa dia boleh disabitkan dengan kesalahan dan/atau dikenakan denda/penalti di bawah sebarang undang-undang dan/atau peraturan terpakai sekiranya mana-mana pengisytiharan yang terkandung di sini kemudiannya didapati palsu dan tidak benar.*



## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the AmBank "Home Loan" Facility. Be sure to also read and understand the terms in the Letter of Offer. You are hereby reminded to always seek and obtain your own independent legal advice. Kindly seek clarification from AmBank (M) Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms stated herein.

Product: HOME LOAN Facility  
(Variable Rate)

Date :

### 1. What is this product about?

- i) This **Home Loan** is a financing facility for purchases of residential properties and calculated on a variable rate basis. You are offering your house as a security for this financing.
- ii) Highlight of this product:
  - Option to make extra repayments to reduce loan interest.
  - Excess payments can be withdrawn in times of emergency.
  - **Optional:** You may opt to apply for AmBank Visa/CARz credit card (*for single applicant only*) subject to card credit approval terms and conditions.
- iii) To support Malaysia's aspiration to become carbon neutral by 2050 that aims to shift Malaysia towards green properties as a key strategy to reduce emissions, preferential financing rates will be offered for mortgage where the property has green features\*.  
*\*Green features are defined as efforts to promote energy efficiency; improves indoor environmental quality; sustainable site planning and management; use sustainable or green materials and resources; promote water efficiency; and green innovation*

### 2. What do I get from this product?

- |   |  |
|---|--|
| i) Total amount borrowed: RM [            ]<br>( [            ] % of house price) | iii) Current Standardised Base Rate (SBR) : [   b    ] %                       |
| ii) Loan Tenure: [            ] years   | iv) Effective Lending Rate : [   b   ] % + [   s*   ] %<br>*s refers to spread |


### 3. What is the Standardised Base Rate (SBR)?

The SBR we offer on this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.

### 4. What are possible scenarios to trigger a change in the SBR?

The SBR can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e. changes in the OPR

### 5. Historical Standardised Base Rate (SBR)



Note: For a longer historical series, please refer our website at <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitPages/rates-fees-charges/HistoricalTrendofRates.pdf>.

## 6. What are my obligations?

- i) Your monthly installment is RM [            ]
- ii) Total repayment amount at the end of [            ] years is RM [            ]

**Important: Your monthly installments and total repayment amount will vary if the SBR changes.**

Rate	Current (SBR = ____%)	If SBR goes up by 1%	If SBR goes up by 2%
Monthly installments	RM	RM	RM
Total interest cost at the end of [            ] years	RM	RM	RM
Total repayment amount at the end of [            ] years	RM	RM	RM

- If you make loan repayment/financing payment via a standing order, you should change the instalment amount whenever there is a change to the SBR.

Note: For property under construction, progressive interest must be paid before actual installment commence. It is calculated as below. The progressive interest to be paid by the borrower is dependent upon the amount disbursed by the bank according to the billing received.

$$\text{Progressive amount disbursed by bank X } \left[ \frac{\text{current interest rate X no. days}}{365} \right] = \text{Progressive interest to be paid for the said month}$$

Note: For monthly installment, the interest is calculated based on daily interest as below

$$\text{Daily principal balance X interest rate / 365 X number of days} = \text{Interest to be paid for the said month}$$

## 7. What are the other charges do I have to pay?

	Type of charges	Charge	Description/ Purpose
1.	Subsidy Letter	RM20.00 administrative fee for each request	Charged upon request from customer for confirmation of home loan interest charge. Applicable for customer with housing loan allowance from company only.
2.	Transfer Of Share Of Property	RM300.00 administrative fee per account upon acceptance of letter of offer	Charged upon customers request for change of property owner's name to a new party
3.	Photocopy Of Loan Documents	RM20.00 for first document RM10.00 for subsequent document(s)	Charged upon request from customer for copy of security document
4.	Redemption Statement	RM25.00 per account per request basis	Charged upon request from customer for confirmation of loan outstanding for loan settlement prior to loan maturity
5.	Confirmation Letter For Withdrawal From EPF	RM20.00 per request	Charged upon request from customer for letter of confirmation of housing loan balance statement addressed to EPF
6.	EPF Ring Fence (Applicable For PR1MA SPEF Only)	RM50.00 per request	Charged upon request from customer for letter of confirmation of housing loan balance statement addressed to EPF
7.	Audit Confirmation (Applicable For Non-Individual Only)	RM20.00 per request	Charged upon request from customer for issuing audit confirmation letter to Auditors
8.	Additional Request For Statement Of Account	RM15.00 per statement cycle	Charged upon request from customer for regenerate of loan statement
9.	Housing Loan Daily Rest (Redraw Facility)	RM50.00 administrative fee for each withdrawal.	Charged upon request from customer to redraw the repayment amount in the loan account
10.	Home Link Monthly Maintenance Fee (Applicable for Homelink Only)	RM10.00 charged on monthly basis	Monthly maintenance fee charged for maintaining of Home Link account

11.	Property Link Monthly Maintenance Fee (Applicable for Propertylink Only)	RM20.00 charged on monthly basis	Monthly maintenance fee charged for maintaining of Property Link account
12.	Home Link Set Up Fee (Applicable for Homelink Only)	RM50.00 debited from loan account upon first drawdown	One-time initial fee charged to set up / link of current account and loan account for customer who applied for Home Link
13.	Property Link Set Up Fee (Applicable for Propertylink Only)	RM50.00 debited from loan account upon first drawdown	One-time initial fee charged to set up / link of current account and loan account for customer who applied for Property Link
14.	Early Settlement	Original loan amount × 2.0%, should the early settlement is done within the Lock-in-Period (3 years from first disbursement)	A predetermined No. of years within which a charge is levied on the customer from changed of terms of contract
15.	Stamp Duty	As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989). Stamp duty is 0.5% of the financing amount and nominal stamp duty of RM10 per copy document.	
16.	Professional Legal Fee	Solicitors fee for preparation of financing agreement	
17.	Valuation Fee	Valuation Fees for preparation of formal valuation report prior to first disbursement of the facility (applicable for completed properties only)	

**Note:** You will be given prior notice of at least twenty-one (21) calendar days in the event of any changes to the charges above.  
For full list of fee and charges, please refer our website at <https://www.ambank.com.my/eng/rates-fees-charges>

#### 8. What if I fail to fulfill my obligations?

- i) Late payment charges of 1% p.a on the amount in arrears, causing the total outstanding to increase.
- ii) If the payment of your progress interest / monthly instalment is more than 2 months in arrears, with prior notice we may revise upwards the margin / interest rate prescribed in your Letter of Offer (currently, the Bank's maximum interest rate is 6.2% above Standardised Base Rate per annum), which will cause the total outstanding and your monthly payments to increase.
- iii) Your account will be reinstated to the contracted rate and existing instalment, subject to no Base Rate/Base Lending Rate/ Standardised Base revision, upon amount in arrears or account falls below thirty one (31) calendar days past due, whichever is earlier.
- iv) With prior notice, we may set-off any credit balance in any of your account maintained with us against any outstanding balance in this financing account.
- v) Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. Your property may be foreclosed, and you will have to bear all costs and expenses in relation to the foreclosure action. You are also responsible to settle any shortfall (if any) between the sale price of the property and the amount in arrears after your property is sold.
- vi) Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

#### 9. What will happen if the loan tenure extends into retirement age?

In the event the loan tenure extends into retirement age, it is important that you have a plan on how to service the repayment after your retirement age.

#### 10. What if I fully settle the loan during lock-in period?

- i) Lock in period : 3 years (to start from first disbursement)
- ii) Early termination fee : 2% on original loan amount shall be charged.

#### 11. Do I need any insurance coverage?

- i) **Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA)**, covers death or total and permanent disability. It can be financed by the Bank as part of this facility to help you settle your housing loan in the event something happens to you.
- ii) **Fire Insurance**, covers damages or destruction due to fire to any property charged to the Bank as collateral. This is a compulsory insurance to protect the property and help you cope with any costs of rebuilding or repairing the property in the event of a fire.

**Note:** The Bank may provide quotations to you for any compulsory insurance offered by the Bank's own panel of insurers. However you are free to use the service of other insurers.

## 12. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. For assistance you may:

- i) Contact AmBank Contact Center: 03 – 2178 8888 or
- ii) Visit our nearest AmBank Branch

## 13. Where can I get assistance and redress?

(i)	(ii)	(iii)	(iv)
<p>If you have difficulties in making payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p>AmBank (M) Berhad</p><p>Retail Collection &amp; Recovery Management Level 6, Tower 2, Wisma AmFirst, Jalan Stadium SS 7/15, 47301 Petaling Jaya, Selangor.</p><p>Tel: 03-2054 6688</p></div>	<p>Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals. You may contact AKPK at:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p>Level 5 &amp; 6, Menara Aras Raya (Formerly known as Menara Bumiputera-Commerce) No.11, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur Tel: 03-2616 7766 Website: <a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a></p></div>	<p>If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p>AmBank (M) Berhad Contact Centre – One Stop Resolution Level 18, Menara AmBank No. 8, Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2178 8888 Email: <a href="mailto:customercare@ambankgroup.com">customercare@ambankgroup.com</a></p></div>	<p>If you have query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia BNMLINK at:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p>Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur, Malaysia Tel.: 1-300-88-5465 (LINK) Fax: 03-2174 1515 Website: <a href="http://bnmlink.bnm.gov.my">bnmlink.bnm.gov.my</a></p></div>

## 14. Where can I get further information?

- i) For further information, you may contact AmBank through the address given above or visit our website at [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) or email to [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).
- ii) Should you require additional information about taking a housing loan, please refer to the *bankinginfo* booklet on “Housing Loan”, available at all our branches and the [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my) website.

## 15. Other housing/property loan packages available :

- i) Home Link Facility
- ii) Property Loan Facility (Variable Rate)
- iii) Property Link Facility
- iv) Home Loan PR1MA (SPEF)
- v) Overdraft (OD) Facility
- vi) Overdraft Facility Secured by Fixed Deposit

**IMPORTANT NOTE:  
YOUR PROPERTY MAY BE FORECLOSED IF YOU DO NOT KEEP UP REPAYMENTS/PAYMENTS ON YOUR MORTGAGE  
FINANCING.**

- i) The information provided in this disclosure sheet is valid as at 2 September 2024 until the next update. Kindly visit [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) for the latest information.
- ii) Unless otherwise stated, all fees/ prices / charges/quotations indicated in this document are exclusive of any taxes where applicable and shall be additionally borne by the customer.

*Disclaimer:*

*The actual amount of financing to be provided by AmBank is dependent upon your credit evaluation by AmBank. The transmission of this Product Disclosure Sheet to you does not create any obligation by AmBank to grant you any facilities.*

I/We ..... (NRIC No. ....) duly acknowledge that the key contract terms and my/our financial obligations under this financial product had been adequately explained to me by AmBank (M) Berhad's authorised representative.

.....  
Date:

**AmBank (M) Berhad 196901000166 (8515 – D)**  
*A member of the AmBank Group*



## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Produk: Kemudahan HOME LOAN  
(Kadar Berubah)

Sila baca dan memahami helaian pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Kemudahan AmBank “Home Loan”. Pastikan anda turut membaca dan memahami segala terma yang terdapat di dalam Surat Tawaran. Anda dengan ini diingatkan supaya sentiasa memperolehi dan mendapatkan nasihat undang-undang anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada pihak AmBank (M) Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am yang dinyatakan di dalam dokumen ini.

Tarikh :

### 1. Apakah produk ini?

- Produk “Home Loan” ini ialah kemudahan pembiayaan untuk memiliki hartanah kediaman yang dikira berdasarkan kadar faedah berubah. Selain itu rumah anda akan dijadikan cagaran bagi pembiayaan ini.
- Kelebihan produk ini:
  - Pilihan untuk membuat bayaran ansuran tambahan bagi mengurangkan faedah pembiayaan.
  - Lebih bayaran boleh dikeluarkan pada masa-masa kecemasan.

**Pilihan:** Tertakluk kepada terma dan syarat kelulusan kad kredit, anda boleh memilih untuk memohon Kad Kredit AmBank Visa/CARz (*untuk peminjam perseorangan sahaja*).

- Bagi menyokong aspirasi Negara untuk menjadi neutral karbon menjelang 2050 yang bertujuan untuk mengalihkan Malaysia ke arah hartanah hijau sebagai strategi utama untuk mengurangkan pelepasan, kadar pembiayaan keutamaan akan ditawarkan untuk gadaai janji di mana hartanah itu mempunyai ciri hijau\*\*.

*\*\*Ciri hijau didefinisikan sebagai usaha untuk menggalakkan kecekapan tenaga; meningkatkan kualiti persekitaran dalaman; perancangan dan pengurusan tapak yang mampan; menggunakan bahan dan sumber yang mampan atau hijau; menggalakkan kecekapan air; dan inovasi hijau.*

### 2. Apakah yang akan saya perolehi dari produk ini?

- Amaun pinjaman: RM ..... [        ]% dari harga rumah
  - Tempoh pinjaman: [        ] tahun
  - Kadar Asas Standard (KAS) : [    b    ]%
  - Kadar yang ditetapkan : [    b    ]% + [    s\*    ]%
- \*s merujuk kepada taburan


### 3. Apakah Kadar Asas Standard?

**Kadar Asas Standard (KAS)** adalah kadar rujukan yang digunakan sebagai asas untuk menetapkan harga pinjaman runcit. Kadar Asas ditentukan berdasarkan ukur rujuk Dasar Semalaman (KDS) yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

### 4. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada KAS?

KAS boleh diselaraskan mengikut perubahan dalam ukur rujuk KDS seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari BNM.

### 5. Rekod lampau ukur rujuk KAS



Nota: Untuk rekod lampau yang lebih lama, sila rujuk laman sesawang kami di <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitPages/rates-fees-charges/HistoricalTrendofRates.pdf>.



## 6. Apakah tanggungan saya?

- Bayaran ansuran bulanan ialah RM [            ]
- Jumlah bayaran balik bagi tempoh [            ] tahun ialah RM [            ]

**Penting: Ansuran bulanan dan jumlah bayaran balik anda akan berubah jika berlaku perubahan pada KAS.**

Kadar	Semasa (KAS = ___%)	Jika KAS meningkat 1%	Jika KAS meningkat 2%
Ansuran bulanan	RM	RM	RM
Jumlah faedah yang ditanggung dalam tempoh [    ] tahun	RM	RM	RM
Jumlah bayaran balik bagi tempoh [    ] tahun	RM	RM	RM

- Jika anda membuat pembayaran secara arahan tetap, anda perlu bertukar ansuran bulanan sekiranya berlaku perubahan pada KAS.

**Nota:** Bagi hartanah yang masih dalam fasa pembinaan, peminjam perlu membayar faedah progresif bulanan sebelum mula membayar ansuran bulanan. Cara pengiraan faedah progresif adalah seperti di bawah. Faedah progresif dikira berdasarkan amaun terkumpul yang telah dikeluarkan oleh pihak Bank.

Amaun progresif yang dikeluarkan oleh Bank X [kadar faedah semasa X bil. hari] = faedah progresif yang perlu dibayar bagi bulan tersebut  
365

Nota: Cara pengiraan ansuran bulanan adalah seperti dibawah berdasarkan kadar faedah berubah.

Baki pokok semasa X kadar faedah semasa / 365 X bil. hari = kadar faedah yang perlu dibayar bagi bulan tersebut.

## 7. Apakah yuran dan caj lain yang perlu dibayar?

	Jenis Fi/Caj	Fi/ Caj	Penerangan/ Tujuan
1.	Surat Subsidi	RM20.00 yuran pentadbiran untuk setiap permintaan	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk pengesahan caj faedah pinjaman rumah. Terpakai untuk pelanggan dengan elaun pinjaman perumahan daripada syarikat sahaja
2.	Pemindahan Bahagian Harta	RM300.00 yuran pentadbiran untuk setiap akaun apabila surat tawaran diterima	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk menukar nama pemilik hartanah kepada pihak baharu
3.	Salinan Dokumen Pinjaman	RM20.00 untuk dokumen pertama RM10.00 untuk dokumen berikutnya	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk salinan dokumen sekuriti
4.	Penebusan Penyata	RM25.00 setiap akaun bagi setiap permintaan	Dicaj atas permintaan daripada pelanggan untuk pengesahan pinjaman yang masih terhutang untuk penyelesaian pinjaman sebelum tempoh matang pinjaman
5.	Surat Pengesahan Pengeluaran Dari KWSP	RM20.00 setiap permintaan	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk surat pengesahan penyata baki pinjaman perumahan yang dialamatkan kepada KWSP
6.	KWSP Kaedah Hadangan (ring-fence) (Terpakai untuk PR1MA SPEF Sahaja)	RM50.00 setiap permintaan	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk surat pengesahan penyata baki pinjaman perumahan yang dialamatkan kepada KWSP
7.	Pengesahan Audit (Terpakai untuk bukan individu Sahaja)	RM20.00 setiap permintaan	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk mengeluarkan surat pengesahan audit kepada Juruaudit
8.	Permintaan Tambahan Untuk Penyata Akaun	RM15.00 setiap kitaran penyata	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk penjana semula penyata pinjaman
9.	Housing Loan Daily Rest (Kemudahan Pengunduran Semula)	RM50.00 yuran pentadbiran untuk setiap pengeluaran.	Dicaj atas permintaan pelanggan untuk mengeluarkan semula jumlah bayaran balik dalam akaun pinjaman
10.	Yuran Penyelenggaraan Bulanan Home Link (Terpakai untuk Homelink)	RM10.00 dicas setiap bulan	Yuran Penyelenggaraan Bulanan dikenakan bagi tujuan selenggaraan akaun Home Link

	sahaja)		
11.	Yuran Penyelenggaraan Bulanan Property Link (Terpakai untuk Propertylink sahaja)	RM20.00 dicias setiap bulan	Yuran Penyelenggaraan Bulanan dikenakan bagi tujuan selenggaraan akaun Property Link
12.	Yuran Penubuhan Home Link (Terpakai untuk Homelink sahaja)	RM50.00 didebitkan daripada akaun pinjaman semasa pengeluaran pertama	Yuran dikenakan sekali sahaja bagi penubuhan / pautan akaun semasa dan akaun pinjaman bagi pelanggan Home Link
13.	Yuran Penubuhan Property Link (Terpakai untuk Propertylink sahaja)	RM50.00 didebitkan daripada akaun pinjaman semasa pengeluaran pertama	Yuran dikenakan sekali sahaja bagi penubuhan / pautan akaun semasa dan akaun pinjaman bagi pelanggan Property Link
14.	Yuran penamatan awal	Amaun asal pinjaman x 2.0%, sekiranya penamatan awal dilakukan dalam Tempoh Sekatan (3 tahun dari pengeluaran pertama)	Bilangan tahun yang telah ditetapkan di mana caj dikenakan ke atas pelanggan daripada perubahan terma kontrak
15.	Setem Duti	Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949 (Semakan semula 1989). Setem Duti ialah 0.5% daripada jumlah pembiayaan dan setem duti nominal RM10 bagi setiap salinan dokumen.	
16.	Yuran Guaman Professional	Yuran professional bagi menyediakan perjanjian pinjaman	
17.	Yuran Penilaian Hartanah	Yuran professional bagi menyediakan laporan rasmi hartanah sebelum pengeluaran pertama kemudahan (Terpakai untuk hartanah yang disiap bina sahaja)	

**Nota:** Anda akan diberikan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sekiranya berlaku apa-apa perubahan kepada caj di atas.

Bagi senarai penuh fi dan cas, sila rujuk laman sesawang kami di <https://www.ambank.com.my/eng/rates-fees-charges>

#### 8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Caj pembayaran lewat sebanyak 1% setahun ke atas amaun yang tertunggak, menyebabkan jumlah yang masih terhutang meningkat.
- Sekiranya anda mempunyai tunggakan bayaran faedah progresif / ansuran bulanan lebih daripada dua (2) bulan, dengan notis, kami berhak menyemak semula dan menaikkan margin / kadar faedah yang ditetapkan dalam Surat Tawaran anda (pada masa ini, kadar faedah maksimum Bank ialah 6.2% melebihi Kadar Asas Standard setahun), yang mana ia akan menyebabkan jumlah yang masih terhutang dan bayaran bulanan anda meningkat.
- Akaun anda akan dikembalikan semula kepada kadar yang dikontrakkan dan ansuran bulanan yang sedia ada, tertakluk pada tiada semakan pada Kadar Asas/Kadar Pinjaman Asas Kadar Asas Standard, apabila amaun yang tertunggak atau akaun berada kurang daripada tiga puluh satu (31) hari kalendar yang belum dibayar, mana yang terdahulu.
- Dengan notis terlebih dahulu, kami akan menolak selesai apa-apa baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami untuk apa-apa baki yang terhutang dalam akaun pembiayaan ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal memberikan respons terhadap notis peringatan. Harta anda boleh dihalang tebus dan anda perlu menanggung semua kos dan perbelanjaan berhubung dengan tindakan halang tebus. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa kekurangan (jika ada) diantara harga jualan hartanah dan amaun tertunggak setelah harta anda dijual
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda dan menyebabkan kredit bertambah sukar atau mahal untuk anda.

#### 9. Apakah yang akan berlaku sekiranya tempoh pinjaman/pembiayaan di lanjutkan melepasi umur persaraan?

Sekiranya pinjaman/pembiayaan di lanjutkan melepasi umur persaraan, adalah penting untuk anda mempunyai pelan bagaimana anda hendak membuat pembayaran melepasi umur persaraan.

#### 10. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan pinjaman sebelum tarikh sekatan matang?

- Tempoh sekatan : 3 tahun (bermula dari pengeluaran pertama)
- Yuran penamatan awal : 2% dari amaun asal pinjaman akan dikenakan

### 11. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

- i) Insurans Penyusutan Gadai Janji (MRTA), memberi perlindungan hayat dari segi kematian dan hilang upaya kekal dan keseluruhan. Ia boleh dibiayai oleh pihak Bank sebagai sebahagian daripada Pinjaman Perumahan ini untuk membantu anda menjelaskan pinjaman anda sekiranya berlakunya sebarang kejadian yang tidak diingini.
- ii) Insurans Kebakaran, memberi perlindungan kerosakan dan kemusnahan disebabkan kebakaran ke atas hartanah yang dicagarkan kepada Bank. Ia merupakan insurans wajib untuk membantu anda dalam menghadapi kos pembinaan atau pembaikan hartanah sekiranya berlakunya kebakaran.

**Nota:** Pihak Bank boleh memberi sebutharga untuk sebarang insurans perlindungan wajib yang ditawarkan oleh panel insurans pihak Bank. Walaubagaimanapun, anda juga bebas memilih perkhidmatan insurans dari syarikat insurans yang lain.

### 12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada butiran hubungan saya?

Penting untuk anda memaklumkan pada pihak Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan pada butiran hubungan supaya segala maklumat terkini dapat disalurkan dengan efektif. Untuk bantuan, sila hubungi:

- i) Pusat Hubungan AmBank : 03 – 2178 8888 atau
- ii) Kunjungi mana-mana Cawangan AmBank

### 13. Dimana boleh saya dapatkan khidmat nasihat dan bantuan?

<p>(i)</p> <p>Jika anda mengalami kesulitan dalam membuat pembayaran balik, sila hubungi kami pada kadar segera bagi membincangkan alternatif bayaran balik. Kami boleh dihubungi di: -</p> <div data-bbox="110 1010 428 1329" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p style="text-align: center;"><b>AmBank (M) Berhad</b></p><p style="text-align: center;">Retail Collection &amp; Recovery Management Level 6, Tower 2, Wisma AmFirst, Jalan Stadium SS 7/15, 47301 Petaling Jaya, Selangor.</p><p style="text-align: center;">Tel: 03-2054 6688</p></div>	<p>(ii)</p> <p>Atau, anda boleh mendapatkan khidmat dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman bagi individu. AKPK boleh dihubungi di :</p> <div data-bbox="456 1178 792 1444" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p style="text-align: center;">Tingkat 5 &amp; 6, Menara Aras Raya (Dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputera- Commerce) No.11, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur Tel: 03-2616 7766 Laman sesawang: <a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a></p></div>	<p>(iii)</p> <p>Jika ada sebarang aduan mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, sila hubungi:</p> <div data-bbox="808 932 1166 1230" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p style="text-align: center;">AmBank (M) Berhad Contact Centre – One Stop Resolution Level 18, Menara AmBank No. 8, Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2178 8888 Email: <a href="mailto:customercare@ambankgroup.com">customercare@ambankgroup.com</a></p></div>	<p>(iv)</p> <p>Jika ada sebarang aduan mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, sila hubungi:</p> <div data-bbox="1192 957 1516 1230" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"><p style="text-align: center;">Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur, Malaysia Tel: 1-300-88-5465 (LINK) Fax: 03-2174 1515 Laman sesawang: <a href="http://bnmlink.bnm.gov.my">bnmlink.bnm.gov.my</a></p></div>
--	--	---	--

### 14. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- i) Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi AmBank melalui alamat yang diberi di atas atau melayari laman web kami di [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) atau menghantar emel kepada [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)
- ii) Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pinjaman perumahan, sila rujuk buku *bankinginfo* bertajuk "Pinjaman Perumahan" yang terdapat di semua cawangan kami atau lawati laman sesawang di [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my)

**15. Lain-lain pakej pinjaman hartanah yang disediakan :**

- i) Kemudahan "HomeLink"
- ii) Kemudahan "Property Loan" (Kadar Berubah)
- iii) Kemudahan "Property Link"
- iv) Kemudahan "Home Loan PR1MA (SPEF)
- v) Kemudahan Overdraf (OD)
- vi) Kemudahan Overdraf Bercagar dengan Deposit Tetap

**NOTA PENTING:  
HARTANAH ANDA AKAN DILELONG SEKIRANYA JADUAL BAYARAN BALIK/BAYARAN TIDAK DIPATUHI.**

- i) Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 2 September 2024 sehingga kemas kini seterusnya. Sila layari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) untuk maklumat terkini.
- ii) Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua yuran / harga / caj / sebut harga yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah tidak termasuk mana-mana cukai yang berkenaan dan akan ditanggung oleh pelanggan.

*Penafian:*

*Amaun pembiayaan sebenar yang akan diberi oleh AmBank adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank. Penyampaian Helaian Pendedahan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank untuk memberi anda apa-apa kemudahan.*

Saya/kami ..... (No. Kad Pengenalan .....) dengan sewajarnya mengakui bahawa terma-terma kontrak utama dan kewajipan kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan jelas kepada saya oleh wakil yang diberi kuasa oleh AmBank (M) Berhad.

.....  
Tarikh:

**AmBank (M) Berhad 196901000166 (8515 – D)**  
*A member of the AmBank Group*